



Kementerian Kesihatan Malaysia

SOALAN LAZIM PENYAKIT NOVEL CORONAVIRUS (COVID-19) 15 November 2020

Soalan 1: Apakah coronavirus?

Coronavirus adalah satu keluarga besar virus yang menyebabkan jangkitan saluran pernafasan seperti *Severe Acute Respiratory Syndrome (SARS)* dan *Middle East Respiratory Syndrome-related Coronavirus (MERS-CoV)*. Coronavirus terbaharu dan menjadi pandemik di seluruh dunia kini dikenali sebagai Novel Coronavirus 2019 (COVID-19).

COVID-19 telah mula dikesan di negara China dengan kes pertama disahkan pada 7 Januari 2020 di Wuhan, Hubei, China. Dalam tempoh tiga (3) minggu seterusnya, kes-kes disahkan di Thailand, Nepal, Amerika Syarikat, Korea Selatan, Singapura, Perancis, Vietnam, Malaysia, Australia, Canada, Cambodia, Sri Lanka dan Jerman. Kes pertama di Malaysia disahkan pada 25 Januari 2020. Sehingga kini, penyakit COVID-19 masih lagi menular di Malaysia. Sejak 20 September 2020, Malaysia sudah memasuki permulaan gelombang ketiga COVID-19 susulan peningkatan mendadak kes jangkitan virus COVID-19. Kementerian Kesihatan Malaysia dan pihak berkuasa terus menjalankan program dan aktiviti kawalan dan pencegahan bagi membendung wabak COVID-19 di Malaysia.

Soalan 2: Bagaimanakah novel coronavirus 2019 (COVID-19) merebak?

Cara penularan novel coronavirus COVID-19 daripada individu kepada individu yang lain adalah melalui titisan dari hidung atau mulut yang tersebar apabila seseorang yang dijangkiti COVID-19 batuk atau bersin. Titisan ini melekat pada objek dan permukaan di sekelilingnya. Orang lain yang menyentuh objek atau permukaan ini mempunyai risiko mendapat jangkitan COVID-19 apabila beliau menyentuh mata, hidung atau

mulutnya selepas menyentuh permukaan/objek yang tercemar. Seseorang itu juga boleh dijangkiti COVID-19 jika mereka berada dekat dengan pesakit COVID-19 yang batuk, bersin atau bercakap dalam jarak yang dekat. Itulah sebabnya amat penting untuk mengekalkan jarak sekurang-kurangnya 1 meter daripada orang yang bergejala.

KKM sentiasa mengawasi perkembangan jangkitan ini dan mengemas kini maklumat penyakit ini dalam laman sesawang KKM. Orang ramai dinasihatkan supaya mengamalkan norma baharu dan mematuhi SOP yang ditetapkan.

Soalan 3: Sekiranya saya memakai pelitup muka atau N95, adakah perkara ini membantu untuk mengurangkan penularan COVID-19?

Pemakaian pelitup muka atau *3-ply face mask* adalah disyorkan kerana tindakan ini membantu mengurangkan penyebaran virus dan lebih praktikal untuk digunakan oleh orang awam. Langkah ini menghalang orang lain daripada terkena titisan dan percikan air liur orang yang memakai pelitup muka. Namun, N95 tidak disyorkan untuk orang awam kerana ia perlu dipakai dengan cara yang betul dan saiz yang bersesuaian. Ia lebih sesuai digunakan oleh anggota kesihatan yang mengendalikan pesakit di fasiliti kesihatan.

Soalan 4: Apakah kriteria saya disyaki menghidap penyakit COVID19?

Anda disyaki menghidap penyakit COVID-19 apabila anda memenuhi kriteria secara klinikal dan epidemiologi.

a. Kriteria **klinikal**

i) Sekurang kurangnya mengalami dua daripada gejala berikut:

- Demam
- Kesejukan
- Menggigil
- Sakit otot
- Sakit kepala
- Sakit tekak
- Loya atau muntah
- Cirit-birit
- Kelesuan
- Hidung tersumbat atau selesema secara tiba-tiba

ATAU

ii) Salah satu daripada gejala berikut:

- Batuk
- Sesak nafas
- Kesukaran bernafas
- Hilang deria bau secara tiba-tiba
- Hilang deria rasa secara tiba-tiba

ATAU

iii) Mengalami penyakit pernafasan yang teruk dengan sekurang-kurangnya satu daripada gejala berikut:

- Radang paru-paru (*pneumonia*)
- Sindrom kecemasan respiratori akut (*Acute Respiratory Distress Syndrome*)

b. Kriteria **epidemiologi**

- Pernah menghadiri majlis atau kawasan yang dikaitkan dengan kluster COVID-19 atau zon merah

ATAU

- Pernah mengembara/tinggal di luar negara dalam masa 14 hari sebelum bergejala

ATAU

- Kontak rapat dengan pesakit COVID-19 dalam masa 14 hari sebelum bergejala.

Soalan 5: Saya tinggal di kawasan zon merah dan mempunyai gejala seperti demam, batuk dan selesema. Perlukah saya pergi ke klinik swasta atau ke Jabatan Pesakit Luar Klinik Kesihatan Kerajaan?

Anda hendaklah segera berjumpa doktor jika mempunyai gejala demam atau jangkitan saluran pernafasan seperti batuk dan selesema. Sila dapatkan pemeriksaan di fasiliti kesihatan terdekat, pakai pelitup muka, jaga penjarakan sekurang-kurangnya 1 meter dan amalkan etika batuk dan bersin apabila anda keluar dari rumah untuk mendapatkan rawatan.

Soalan 6: Apakah rawatan untuk penyakit COVID-19?

Sehingga kini, tiada rawatan khusus atau ubat antivirus untuk jangkitan COVID-19. Rawatan diberikan hanya untuk mengurangkan gejala yang dialami pesakit.

Soalan 7: Adakah penyakit COVID-19 ini boleh menyebabkan kematian? Apakah perbezaannya dengan SARS?

COVID-19 berpotensi menyebabkan penyakit yang teruk sehingga membawa kematian, terutamanya dalam kalangan warga emas dan orang yang mempunyai masalah kesihatan atau sistem imun yang rendah. Ciri-ciri terperinci virus ini belum diketahui.

Soalan 8: Siapakah golongan berisiko tinggi?

Golongan berisiko tinggi adalah seperti berikut:

- Kanak-kanak
- Warga emas berusia 60 tahun ke atas
- Pesakit dengan penyakit kronik
- Pesakit dengan daya ketahanan badan yang rendah
- Wanita hamil

Oleh itu, golongan berisiko tinggi dinasihatkan untuk duduk di rumah dan mengehadkan aktiviti yang melibatkan orang ramai kerana lebih berisiko untuk mendapat penyakit COVID-19.

Soalan 9: Bagaimanakah pengesanan kontak dilakukan?

Pengesanan kontak adalah prosedur untuk mengesan individu yang mempunyai kontak rapat dengan pesakit COVID-19. Proses ini bertujuan untuk membendung penularan penyakit COVID-19 dalam kalangan komuniti dan memudahkan pengawalan penyakit.

- Pengesanan kes akan dilakukan oleh pegawai kesihatan di Pejabat Kesihatan Daerah di mana pesakit akan dihubungi bagi mendapatkan maklumat sejarah perjalanan dan kontak rapat sepanjang 14 hari yang lepas.
- Semua kontak rapat akan dihubungi bagi mendapatkan status kesihatan.

- Setelah saringan dan ujian COVID-19 dijalankan, kontak rapat akan dipakaikan gelang dan diberikn borang *Home Assessment Tool* (HAT) untuk menilai tahap kesihatan harian secara sendiri di rumah.
- Kontak rapat yang disahkan positif akan dirujuk ke hospital.
- Manakala kontak rapat dengan keputusan negatif akan meneruskan kuarantin 14 hari berdasarkan Seksyen 15 (1) [Akta 342].
- Pihak Pejabat Kesihatan Daerah akan memantau dan menghubungi kontak tersebut dari semasa ke semasa dalam tempoh 14 hari.
- Semasa dalam tempoh kuarantin, sekiranya bergejala, kontak rapat tersebut akan dirujuk ke hospital.
- Kontak rapat yang menjalani kuarantin perlu melakukan ujian COVID-19 kali kedua pada hari ke-13.
- Kontak yang disahkan positif pada hari ke-13 akan dirujuk ke hospital.
- Kontak yang disahkan negatif pada hari ke-13 akan diberikan pelepasan dari menjalani Perintah Pengawasan dan Pemerhatian di Rumah, *Home Surveillance Order* (HSO) dan gelang pengawasan akan ditanggalkan oleh pegawai diberi kuasa di Pejabat Kesihatan Daerah pada hari ke-14.

Soalan 10: Apakah yang dimaksudkan dengan kontak rapat?

Kontak rapat kes COVID-19 adalah:

- Kakitangan kesihatan kontak rapat dengan pesakit COVID-19 tanpa memakai *Personal Protective Equipment (PPE)* yang lengkap (termasuk semasa merawat pesakit COVID-19, bekerja dengan kakitangan kesihatan yang dijangkiti COVID-19, melawat pesakit atau berada di persekitaran yang tertutup bersama pesakit COVID-19)
- Pernah berada dengan pesakit COVID-19 dalam ruang/bilik yang sama.
- Pernah mengambil pengangkutan awam yang sama dengan pesakit COVID-19.
- Berada dalam rumah yang sama dengan pesakit COVID-19.

Soalan 11: Apakah senarai hospital kerajaan dan klinik kerajaan untuk saringan COVID-19?

Maklumat mengenai senarai hospital dan klinik kerajaan yang menjalankan saringan COVID-19 boleh didapati di laman web Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di pautan <http://covid-19.moh.gov.my/garis-panduan/garis-panduan-kkm> atau rujuk Lampiran 1.

Soalan 12: Apakah senarai hospital swasta dan klinik swasta untuk saringan COVID-19?

Maklumat mengenai senarai hospital dan klinik swasta yang menjalankan saringan COVID-19 boleh didapati di laman web rasmi Bahagian Amalan Perubatan Kementerian Kesihatan Malaysia – Senarai Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (KPJKS) yang telah diluluskan bagi COVID-19 atau di pautan http://medicalprac.moh.gov.my/v2/modules/mastop_publish/?tac=Senarai%20KPJKS%20yang%20telah%20diluluskan%20bagi%20COVID-19 atau rujuk Lampiran 2.

Soalan 13: Apakah jenis ujian COVID-19 yang dijalankan?

- Rt-PCR: Rt-PCR atau dikenali sebagai *Reverse transcriptase Polymerase Chain Reaction* adalah ujian pengesahan yang digunakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia untuk mengesahkan jangkitan virus COVID-19 pada individu yang disyaki.
- RTK Ag: Keputusan ujian menggunakan RTK Ag lebih cepat berbanding Rt-PCR. RTK Ag mempunyai tahap sensitiviti 90% dan spesifisiti 100%. Disebabkan itu, RTK Ag boleh digunakan sebagai kaedah alternatif untuk ujian COVID-19. Walau bagaimanapun, RTK-Ag hanya diguna pakai di Malaysia untuk ujian pengesanan COVID-19 sahaja manakala Rt-PCR untuk ujian pengesahan.
- RTK Ab: Ujian RTK Ab tidak digunakan untuk pengesanan awal virus COVID-19. Ia sesuai diambil pada hari ke-13 oleh individu dikuarantin kerana pada masa ini sistem imun dalam badan seseorang itu akan menghasilkan antibodi apabila terdedah kepada virus. Ujian RTK Ab ini bertujuan untuk mengesan antibodi COVID-19 dalam badan. Hal ini kerana respon antibodi mengambil masa 5 hingga 7 hari untuk terhasil.

Soalan 14: Senarai makmal kerajaan dan swasta yang menjalankan ujian COVID-19.

Maklumat senarai makmal kerajaan dan swasta yang menjalankan ujian COVID-19 boleh didapati di pautan <http://covid-19.moh.gov.my/> atau rujuk Lampiran 3.

Soalan 15: Berapakah kadar bayaran ujian pengesanan COVID-19 di fasiliti kesihatan kerajaan?

Berikut adalah kadar bayaran bagi ujian pengesanan COVID-19 di fasiliti kesihatan kerajaan. Bayaran tertakluk dalam [Peraturan 3 di bawah Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Fi bagi Ujian Pengesanan COVID-19) 2020].

Ujian Pengesanan COVID-19	Warganegara	Orang Asing
Tindak balas berantai polimerase (Rt-PCR)	RM 150	RM 250
Kit ujian pantas (RTK) Antigen	RM 60	RM 120
Kit ujian pantas (RTK) Antibodi	RM 30	RM 60

Soalan 16: Siapakah yang tidak perlu membayar ujian pengesanan COVID-19 di fasiliti kerajaan?

Bayaran ujian pengesanan COVID-19 di fasiliti kerajaan tidak akan dikenakan kepada:

- Penjawat awam yang menjalankan tugas rasmi di dalam dan luar negara.
- Warganegara dan bukan warganegara yang disyaki positif COVID-19.
- Warganegara dan bukan warganegara yang mempunyai kontak rapat kepada kes positif COVID-19.
- Penduduk di Kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).
- Individu di bawah survelan bagi penyakit seperti *influenza like illness* (ILI) dan jangkitan pernafasan akut teruk/*Severe Acute Respiratory Illness* (SARI).
- Pengembara dari luar negara yang mendapat pengecualian bayaran ujian pengesanan COVID-19

Soalan 17: Adakah saya perlu menjalankan ujian COVID-19 jika saya baru pulang dari luar negara?

Semua pengembara dari luar negara wajib menjalankan saringan kesihatan dan ujian pengesanan COVID-19 di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) Malaysia. Kos ujian pengesanan COVID-19 yang dijalankan perlu ditanggung sendiri oleh pengembara tersebut.

Soalan 18: Bolehkah pengecualian bayaran dibuat untuk kos ujian pengesanan COVID-19 di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA)?

Pengecualian atau pengetepian caj bagi ujian pengesanan COVID-19 di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) Malaysia diberikan kepada:

- Pegawai kerajaan yang pulang ke Malaysia atas urusan rasmi;
- Orang Kurang Upaya (OKU) yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM); dan
- Pelajar Malaysia dari luar negara yang pulang ke Malaysia (kali pertama).

Soalan 19: Apa yang perlu dilakukan selepas ujian COVID-19? Bilakah tempoh kuarantin saya akan bermula?

Individu yang menjalani ujian COVID-19 perlu mematuhi arahan kuarantin. Bagi pengembara dari luar negara, kuarantin 14 hari akan bermula pada hari ketibaan anda di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) Malaysia. Bagi saringan kontak rapat, kuarantin 14 hari akan bermula pada hari terakhir anda terdedah kepada pesakit positif COVID-19 atau sekiranya anda tidak pasti, kuarantin akan bermula pada hari pertama ujian COVID-19 diambil.

Soalan 20: Mengapakah kuarantin perlu dijalankan selama 14 hari walaupun ujian pengesanan COVID-19 kali pertama negatif?

Kuarantin selama 14 hari amat penting walaupun ujian pengesanan COVID-19 kali pertama negatif. Ini disebabkan oleh tempoh pengeraman virus COVID-19 antara 4 atau 5 hari sehingga 14 hari. Sebanyak 75 peratus kontak rapat kepada pesakit COVID-19 dikesan positif pada hari pertama dan 25 peratus dikesan positif pada hari ke-13. Oleh yang demikian, adalah wajib setiap individu yang diarahkan kuarantin melakukannya selama 14 hari bagi memutuskan rantai wabak COVID-19 di Malaysia. Arahan pelepasan pengawasan dan pemerhatian pada hari ke-14 akan diberikan sekiranya ujian ulangan kali kedua iaitu pada hari ke-13 adalah negatif.

Soalan 21: Adakah saya perlu dikuarantin sekiranya ingin pulang ke Malaysia dari luar negara?

Semua pengembara warganegara dan bukan warganegara dari luar negara dan memasuki Malaysia mulai 24 Julai 2020 perlu menjalani perintah kuarantin wajib di stesen kuarantin yang telah diwartakan oleh kerajaan Malaysia, berdasarkan kepada peruntukan di bawah subseksyen 15(1) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342]. Kos kuarantin perlu ditanggung sepenuhnya oleh pengembara kecuali individu yang diberikan pengecualian bayaran kos kuarantin di stesen kuarantin. Maklumat lanjut mengenai perkara ini boleh diperolehi di laman sesawang Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) di pautan berikut :<https://http://www.nadma.gov.my/info/panduan-kebenaran-memasuki-malaysia-mulai-24-julai-2020>.

Soalan 22: Bolehkah pengembara dari luar negara mendapat pengecualian bayaran kos kuarantin di stesen kuarantin?

Pengecualian caj kuarantin diberikan kepada:

- Pemegang Kad OKU yang dikeluarkan di bawah Akta Orang Kurang Upaya 2008 [Akta 685];
- Warganegara Malaysia daripada golongan B40;
- Individu atau keluarga warganegara Malaysia dari golongan B40;
- Pelajar warganegara Malaysia daripada keluarga B40;
- Kanak-kanak warganegara Malaysia berumur 6 tahun dan ke bawah;
- Pengembara berseorangan/solo warganegara Malaysia yang berumur 12 tahun ke bawah;
- Warganegara Malaysia yang pulang sebaik sahaja dibebaskan dari penjara negara asing yang tidak mampu membayar caj di stesen kuarantin atau tiada sumber pendapatan.

Soalan 23: Bagaimanakah cara untuk menuntut bayaran balik kos penginapan di stesen kuarantin bagi pengembara dari luar negara yang telah membuat bayaran penuh bagi kos kuarantin tetapi telah disahkan positif COVID-19?

Pengembara dari luar negara yang telah membuat bayaran penuh bagi kos kuarantin tetapi telah disahkan positif COVID-19 sebelum melengkapkan perintah kuarantin wajib boleh mengemukakan permohonan bayaran balik kepada Pejabat Kesihatan Daerah yang menguruskan stesen kuarantin tersebut.

Jumlah bayaran balik adalah secara prorata berdasarkan bilangan hari yang diduduki sebelum disahkan positif COVID-19. Borang permohonan tuntutan pulangan balik bayaran kos boleh diperoleh di pautan <http://covid-19.moh.gov.my/garis-panduan/garis-panduan-kewangan-kkm>

Soalan 24: Apakah tindakan selanjutnya sekiranya keputusan ujian COVID-19 (Rt-PCR) disahkan positif?

Semua individu yang disahkan positif COVID-19 akan dihubungi oleh pegawai kesihatan dan akan dirujuk ke hospital untuk mendapatkan rawatan. Setelah berada di hospital, keadaan pesakit akan dinilai untuk ditempatkan di hospital atau di stesen kuarantin dan rawatan COVID-19 berisiko rendah.

Soalan 25: Senarai hospital rujukan bagi mengendalikan kes COVID-19.

Maklumat senarai hospital rujukan bagi mengendalikan kes COVID-19 boleh didapati di pautan <http://covid-19.moh.gov.my/garis-panduan/garis-panduan-kkm> atau rujuk lampiran 4.

Soalan 26: Senarai stesen kuarantin dan rawatan COVID-19 berisiko rendah.

Maklumat senarai stesen kuarantin dan rawatan COVID-19 berisiko rendah boleh didapati di pautan <http://covid-19.moh.gov.my/> atau rujuk lampiran 5.

Soalan 27: Mengapakah stesen kuarantin untuk COVID-19 dibuka?

Pembukaan stesen kuarantin merupakan keperluan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342]. Ia dibuka untuk mengasingkan atau memantau individu yang dijangkiti atau disyaki COVID-19 untuk rawatan dan pemerhatian. Individu yang dikuarantin perlu berada di pusat kuarantin sehinggalah mereka selamat untuk berada di kawasan orang awam. Langkah ini bertujuan untuk

memutuskan rantaian wabak COVID-19 di Malaysia. Stesen kuarantin yang diwartakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia terdiri daripada hospital atau fasiliti bukan hospital.

Soalan 28: Apakah yang dimaksudkan dengan Individu dalam Perintah Pengawasan dan Pemerhatian/*Person Under Surveillance (PUS)*?

PUS bermaksud individu yang mempunyai kriteria epidemiologi tetapi tidak bergejala, iaitu sama ada:

- Pernah menghadiri majlis atau kawasan yang dikaitkan dengan kluster COVID-19 atau zon merah
ATAU
- Pernah mengembara/tinggal di luar negara dalam masa 14 hari sebelum bergejala
ATAU
- Kontak rapat dengan pesakit COVID-19 dalam masa 14 hari sebelum bergejala.

Soalan 29: Apakah perkara yang perlu dilakukan oleh individu dalam Perintah Pengawasan dan Pemerhatian/*Person Under Surveillance (PUS)*?

Semua individu dalam Perintah Pengawasan dan Pemerhatian/*Person Under Surveillance (PUS)* perlu menjalani kuarantin selama 14 hari sama ada di rumah atau di stesen kuarantin. Individu yang menjalani kuarantin di rumah akan diberikan Perintah Pengawasan dan Pemerhatian di Rumah, *Home Surveillance Order (HSO)*.

Soalan 30: Apakah senarai semak untuk seseorang yang akan menjalani Perintah Pengawasan dan Pemerhatian di Rumah/*Home Surveillance Order (HSO)*?

- Mempunyai bilik tidur dan bilik air yang berasingan dengan ahli rumah, jika tidak mampu, bilik air boleh dikongsi dengan ahli rumah dengan syarat bilik air tersebut haruslah sentiasa dibersihkan dengan cecair pembasmi kuman.
- Mempunyai akses kepada makanan dan keperluan lain.
- Mempunyai akses kepada barang seperti pelitup muka, sarung tangan dan cecair pembasmi kuman di rumah.

- Boleh mendapatkan rawatan di klinik/hospital berhampiran sekiranya perlu dengan menggunakan kenderaan persendirian.
- Bersetuju untuk mematuhi perintah HSO termasuk melakukan alat penilaian sendiri di rumah/*Home Assessment Tool (HAT)*.
- Hadkan jarak sekurang-kurangnya 1 meter dengan ahli rumah yang berisiko tinggi. Contohnya, warga emas berumur 60 tahun ke atas dan kanak-kanak.

Senarai semak ini adalah sebagai panduan. Namun, ia bergantung kepada kesesuaian individu tersebut untuk menjalankan perintah tersebut.

Soalan 31: Apakah proses yang akan saya lalui selepas saya diberi arahan Perintah Pengawasan dan Pemerhatian di rumah/*Home Surveillance Order (HSO)*?

- Individu di bawah Perintah Pengawasan dan Pemerhatian di rumah (HSO) akan dipakaikan gelang pengawasan dan diberikan borang penilaian sendiri, *Home Assessment Tool (HAT)* untuk menilai tahap kesihatan harian secara sendiri.
- Pihak Pejabat Kesihatan Daerah akan memantau dan menghubungi kontak tersebut dari semasa ke semasa dalam tempoh 14 hari.
- Semasa dalam kuarantin, jika bergejala, anda akan dirujuk ke hospital.
- Ujian ulangan COVID-19 (RTK-Ab) pada hari ke-13.
- Kontak yang disahkan positif pada hari ke-13 perlu jalani ujian Rt PCR.
- Kontak yang disahkan negatif pada hari ke-13 akan diberikan Surat Pelepasan daripada menjalani Perintah Pengawasan dan Pemerhatian di Rumah dan pemotongan gelang pengawasan oleh Pejabat Kesihatan Daerah pada hari ke-14.

*Rujuk Lampiran 6 untuk alat penilaian sendiri di rumah/*Home Assessment Tool (HAT)* dalam tempoh Perintah Pengawasan dan Pemerhatian di rumah (HSO).

Soalan 32: Apakah yang perlu dilakukan ketika di bawah Perintah Pengawasan dan Pemerhatian di rumah/*Home Surveillance Order (HSO)*?

Amalkan langkah–langkah berikut semasa anda di bawah Perintah

Pengawasan dan Pemerhatian di rumah/*Home Surveillance Order (HSO)*, iaitu:

- Boleh dihubungi pada setiap masa.
- Sentiasa berada di rumah sepanjang tempoh pengawasan dan pemerhatian. Digalakkan untuk berada dalam bilik yang mempunyai bilik air berasingan dengan orang lain.
- Hadkan pelawat atau tetamu yang datang ke rumah anda.
- Senaraikan semua orang yang datang ke rumah anda.
- Sentiasa mengamalkan adab batuk dan bersin yang betul.
- Sekiranya bergejala, sentiasa pakai pelitup muka, tutup mulut dan hidung anda menggunakan tisu apabila batuk dan bersin. Buang tisu yang telah digunakan ke dalam tong sampah dan cuci tangan serta merta dengan air sabun atau *hand sanitiser*.
- Hadkan jarak fizikal anda sekurang-kurangnya 1 meter.
- Pakai pelitup muka sekiranya keluar dari bilik dan elakkan bergaul dengan orang lain.
- Pastikan pengudaraan rumah dalam keadaan baik dengan membuka tingkap.
- Elakkan perkongsian peralatan makanan dan sentiasa mengamalkan penjagaan kebersihan diri.
- Pada hari ke-13, anda perlu menjalani ujian serologi COVID-19 di klinik kesihatan/klinik swasta yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Pastikan anda mendapat salinan keputusan ujian tersebut.
- Pada hari ke-14, hadir ke Pejabat Kesihatan Daerah yang terdekat dengan laporan ujian serologi untuk mendapatkan pelepasan daripada menjalani perintah pengawasan dan pemerhatian di rumah, serta menanggalkan gelang perintah pengawasan.
- Sekiranya bergejala dan bertambah teruk semasa tempoh pengawasan dan pemerhatian di rumah, segera hubungi Pejabat Kesihatan Daerah untuk tindakan lanjut.

Soalan 33: Apakah nombor talian bilik gerakan COVID-19 di Pejabat Kesihatan Daerah?

Maklumat mengenai senarai talian bilik gerakan COVID-19 di Pejabat Kesihatan Daerah setiap negeri boleh didapati di laman web Portal Rasmi Kementerian Kesihatan Malaysia atau di pautan <https://www.moh.gov.my/index.php?mid=5>.

Soalan 34: Apakah yang dimaksudkan dengan gelang pengawasan dan pemerhatian di rumah?

- Gelang pengawasan dan pemerhatian di rumah adalah gelang yang dipakaikan kepada individu yang berada di bawah pengawasan seperti kontak rapat kes positif, pengembara yang pulang dari luar negara atau individu yang berada di dalam kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).
- Selain gelang berwarna merah jambu, terdapat juga gelang berwarna putih, biru, merah atau kuning yang digunakan. Pemakaian warna gelang kepada individu yang perlu dikuarantin tertakluk kepada stok di kawasan setempat dan penentuan oleh Pejabat Kesihatan Daerah (PKD). Tempat dan tarikh saringan dilakukan akan ditulis pada gelang tersebut. Individu yang telah dipakaikan gelang kuarantin ini tidak boleh keluar rumah sehingga tempoh kuarantin tamat.
- Gelang kuarantin hanya boleh dipotong oleh pegawai diberi kuasa di Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) yang terlibat setelah tempoh kuarantin tamat.
- Sekiranya terdapat individu dengan gelang kuarantin berada di kawasan umum, anda boleh laporkan ke pejabat polis atau Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) terdekat.

Soalan 35: Adakah saya perlu jalani kuarantin sekiranya ada ahli rumah yang dikuarantin disebabkan mempunyai kontak rapat dengan pesakit positif COVID-19?

Anda perlu dikuarantin apabila anda mempunyai kontak rapat dengan ahli rumah yang dikuarantin itu disahkan positif COVID-19. Kontak rapat bermaksud anda pernah berada dengan pesakit COVID-19 dalam ruang/bilik yang sama dengan pesakit COVID-19, pernah mengambil pengangkutan awam yang sama dengan pesakit COVID-19; dan berada dalam rumah yang sama dengan pesakit COVID-19. Walau bagaimanapun, ahli rumah hendaklah mematuhi arahan pencegahan COVID-19 seperti menjaga penjarakan sekurang-kurangnya 1 meter, memakai pelitup muka apabila berada di ruang/bilik yang sama dengan orang yang dikuarantin dan kerap mencuci tangan dengan air sabun atau *hand sanitizer*.

Soalan 36: Adakah perlu untuk saya menjalani kuarantin dan membuat ujian COVID-19 jika status di MySejahtera menunjukkan individu dalam perintah pengawasan dan pemerhatian/*Person Under Surveillance (PUS)*?

Status PUS di MySejahtera adalah untuk individu yang mempunyai kriteria epidemiologi yang berkaitan COVID-19 tetapi tidak bergejala. Apabila anda mendapat status di MySejahtera menunjukkan anda individu dalam perintah pengawasan dan pemerhatian/*Person Under Surveillance (PUS)*, jangan cemas. Sila tunggu arahan daripada Pejabat Kesihatan Daerah. Pegawai Kesihatan Daerah yang terlibat akan membuat siasatan kontak rapat berhubung kes tersebut. Sekiranya anda disahkan sebagai kontak rapat dengan kes COVID-19, anda perlu melakukan ujian COVID-19. Sekiranya tidak dihubungi, sila rujuk Pejabat Kesihatan Daerah untuk pertanyaan lanjut.

Soalan 37: Bagaimanakah cara disinfeksi dan mengendalikan sisa buangan ketika individu di bawah perintah pengawasan dan pemerhatian/*Person Under Surveillance (PUS)*?

Cara pengendalian sisa buangan ketika individu di bawah perintah pengawasan dan pemerhatian/*Person Under Surveillance (PUS)* adalah seperti berikut:

- Permukaan yang kerap disentuh di kawasan penjagaan pesakit mesti kerap dibersihkan.
- Peralatan makan dan minum mesti dibersihkan selepas setiap kali digunakan dan tidak boleh berkongsi peralatan dengan orang lain.
- Bilik mandi yang digunakan oleh pesakit COVID-19 atau ahli rumah yang lain mesti dibersihkan dan dinyahkuman sekurang-kurangnya sekali sehari.
- Proses pembersihan boleh menggunakan serbuk pencuci, dibilas dan diikuti dengan disinfektan yang mengandungi 0.1% Sodium Hipoklorit.
- Pakai *Personal Protective Equipment (PPE)* seperti pelitup muka, cermin mata pelindung, apron kalis cecair dan sarung tangan semasa proses disinfeksi. Bersihkan tangan selepas PPE ditanggalkan.
- Peralatan minima yang perlu adalah pelitup muka dan pencuci tangan sekiranya peralatan lain tidak dapat disediakan.
- Tandas perlu sentiasa dibersihkan, berfungsi dengan baik dan selamat.

Soalan 38: Bagaimanakah pengurusan sampah yang betul semasa menjaga individu PUS?

- Sampah dibungkus dan diikat kemas dalam beg yang kukuh sebelum dibuang.
- Sampah ditanam atau dibakar dengan terkawal jika tiada perkhidmatan pengurusan sisa pepejal. Gunakan kaedah yang lebih lestari dan mesra alam seberapa boleh.
- Tisu yang digunakan untuk batuk atau bersin dibuang dengan segera ke dalam tong sampah yang tertutup.
- Cuci tangan dengan bersih selepas membuang sampah.

Soalan 39: Apakah pembudayaan norma baharu dalam mencegah jangkitan COVID-19?

Pencegahan jangkitan COVID-19 merupakan tugas bersama. Cegah, Amal, Patuhi, Pantau (CAPP) adalah pendekatan pembudayaan norma baharu untuk mencegah penularan COVID-19. Pendekatan CAPP ini mensasarkan individu, keluarga dan komuniti dalam mencegah dan memutuskan rantaian wabak COVID-19. CAPP adalah singkatan untuk:

- CEGAH COVID-19 dengan mendidik keluarga serta komuniti norma baharu kehidupan.
- AMALKan tingkah laku baik bagi mengelakkan diri, keluarga dan komuniti daripada jangkitan COVID-19.
- PATUHI SOP pengoperasian sektor utama negara dan lain-lain arahan kerajaan.
- PANTAU status kesihatan diri dan keluarga dan segera dapatkan rawatan jika bergejala. Lakukan saringan suhu badan dan gejala sebelum memasuki tempat kerja, institusi pendidikan, premis atau pusat jagaan seperti rumah orang tua.

Soalan 40: Apakah langkah-langkah pencegahan jangkitan COVID-19?

Setiap individu diingatkan untuk sentiasa mengamalkan langkah-langkah berikut:

- Amalkan tahap kebersihan diri yang tinggi setiap masa seperti kerap mencuci tangan dengan menggunakan air dan sabun atau *hand sanitizer*.
- Memakai pelitup muka di tempat awam atau jika bergejala.
- Elakkan daripada mengunjungi tempat tumpuan ramai, sesak dan sempit.
- Duduk di rumah jika tiada urusan penting di luar. Sekiranya perlu keluar, pakai pelitup muka serta jarakkan diri sekurang-kurangnya 1 meter daripada orang lain.
- Jangan bersalaman dan bersentuhan termasuk melagakan anggota badan, sebaliknya anjur hormat dengan meletakkan tangan di dada dan tunduk hormat.
- Amalkan etika batuk dan bersin yang betul.
- Dapatkan rawatan di fasiliti kesihatan yang terdekat jika bergejala.
- Muat turun, daftar dan gunakan aplikasi MySejahtera setiap kali masuk ke tempat kerja.

Soalan 41: Apakah tindakan KKM dalam mencegah dan mengawal penularan penyakit COVID-19 ini?

KKM memantau situasi wabak jangkitan COVID-19 ini secara harian dengan menjalankan aktiviti-aktiviti berikut:

- Mengaktifkan Bilik Gerakan COVID-19 di CPRC Kebangsaan.
- Menyediakan dan mengeluarkan kenyataan akhbar mengenai situasi terkini wabak COVID-19.
- Menjalankan saringan gejala di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) Malaysia untuk semua pengembara yang tiba dari luar negara.
- Mewajibkan kuarantin 14 hari bagi semua pengembara yang tiba dari luar negara.
- Membuat saringan gejala di fasiliti kesihatan serta membuat rujukan dan isolasi kes di hospital-hospital terpilih.
- Melaksanakan Perintah Pengawasan dan Pemerhatian di Rumah/*Home Surveillance Order* (HSO) untuk individu yang mempunyai kaitan epidemiologi berkaitan COVID-19 tetapi tidak bergejala.
- Meningkatkan kapasiti isolasi di hospital.
- Memantapkan kemampuan dan keupayaan makmal dalam menjalankan ujian pengesanan virus COVID-19.

- Menjalankan latihan kepada kakitangan kesihatan khususnya mengenai penggunaan alat pelindung diri/*Personal Protective Equipment* (PPE) yang betul.
- Memastikan *stockpile* PPE dan ubat-ubatan bagi merawat kes COVID-19 adalah mencukupi.
- Meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai jangkitan virus COVID-19 melalui media sosial dan media cetak.

Soalan 42: Apakah langkah pencegahan jangkitan COVID-19 di tempat kerja?

Setiap majikan dan pekerja perlu mengamalkan langkah-langkah berikut, iaitu:

- Memastikan tempat kerja bersih dan bebas kuman. Kerap lap permukaan dan alatan dengan cecair disinfeksi.
- Letakkan *hand sanitizer* di tempat yang mudah dicapai di tempat kerja dan pastikan ia kerap diisi semula.
- Menyediakan pelitup muka.
- Mematuhi prosedur kerja selamat dan memakai *Personal Protective Equipment* (PPE) yang ditetapkan semasa bekerja.
- Menggalakkan bekerja dari rumah bagi pekerja yang tidak perlu berada di pejabat sepenuh masa.
- Memberi taklimat kepada pekerja dan pelanggan sekiranya terdapat kes COVID-19 dalam komuniti sekitar dan galakkan bekerja dari rumah jika tidak sihat/bergejala.

Soalan 43: Apakah tindakan majikan jika ada kes positif COVID-19 di tempat kerja?

Majikan harus bekerjasama dengan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam memberi maklumat untuk pengesanan kontak rapat dengan pekerja positif COVID-19. Pejabat Kesihatan Daerah akan menjalankan saringan dan pengesanan kontak rapat di tempat kerja yang terdapat kes positif. Berdasarkan saringan tersebut, pekerja yang dikesan sebagai kontak rapat perlu menjalani ujian COVID-19.

Majikan harus menjalankan pembersihan dan nyahkuman di ruang kerja dan kawasan pejabat. Panduan disinfeksi dan pembersihan di pejabat haruslah dibuat berdasarkan garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysi

Soalan 44: Apakah langkah pencegahan jangkitan COVID-19 di pusat beli belah?

- Pemilik premis perlu kerap melakukan nyahkuman/disinfeksi permukaan yang mudah dicemari kuman seperti tempat duduk, eskalator & susur tangga, troli, tombol pintu, butang lif dan mesin ATM.
- Sentiasa bersihkan tangan dengan *hand sanitizer* atau basuh tangan dengan air dan sabun.
- Amalkan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter.
- Pakai pelitup muka dengan cara yang betul.

Soalan 45: Apakah prosedur yang perlu dilakukan apabila pulang dari Sabah?

Semua pengembara yang **tiba dari Sabah** perlu:

- Memuat turun dan mendaftar aplikasi MySejahtera
- Mendaftar masuk (*Check-in*) menggunakan aplikasi MySejahtera di Pintu Masuk antarabangsa (PMA) Malaysia.
- Menjalani saringan kesihatan dan ujian swab Rt-PCR COVID-19 di PMA.
- Menjalani kuarantin wajib selama 14 hari di kediaman sendiri atau hotel dan dipakaikan gelang pengawasan (*wristband*).
- Mendapatkan surat kebenaran menaiki kenderaan awam jika pengembara meneruskan perjalanan menggunakan kenderaan awam ke alamat kediamannya.
- Menjalani kuarantin wajib selama 14 hari di kediaman sendiri bermula dari tarikh ketibaan di PMA.
- Memantau kesihatan sendiri menggunakan *Home Assessment Tool* (HAT) dalam aplikasi MySejahtera selama 14 hari. Sekiranya bergejala dalam tempoh 14 hari, sila hubungi Pejabat Kesihatan Daerah berhampiran untuk rawatan lanjut.
- Melakukan ujian RTK Antibodi (RTK Ab) pada hari ke-13 di Klinik Kesihatan yang berhampiran.
- Sekiranya keputusan ujian kedua (RTK Ab) negatif, surat Perintah Pelepasan Pengawasan akan diberikan dan gelang pengawasan akan ditanggalkan oleh pegawai diberi kuasa pada hari ke 14.
- Sebaliknya, jika keputusan ujian adalah positif, ujian Rt-PCR perlu dilakukan. Tiada caj dikenakan untuk ujian Rt-PCR ini. Selepas ujian, anda dibenarkan balik ke rumah dan meneruskan kuarantin.

- Jika ujian Rt-PCR adalah negatif, Perintah Pelepasan Pengawasan akan diberikan dan gelang pengawasan akan dipotong.
- Jika ujian Rt-PCR adalah positif, anda akan dirujuk ke hospital untuk rawatan lanjut.

Soalan 46: Apakah yang dimaksudkan dengan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD)?

Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) bermaksud tiada pergerakan dibenarkan kecuali perkhidmatan perlu, pergerakan untuk melaksanakan tugas rasmi kerajaan dan; urusan kecemasan dan kematian. Maklumat berkaitan SOP PKPD boleh didapati di pautan <https://www.mkn.gov.my/web/ms/sop-pkp-pemulihan/>.

Soalan 47: Apakah yang dimaksudkan dengan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)?

Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bermaksud semua sektor ekonomi dan industri dibenarkan beroperasi dengan mematuhi SOP yang diwartakan oleh kerajaan. Pergerakan keluar dan masuk penduduk dari kawasan PKPB/rentas daerah dan negeri tidak dibenarkan kecuali dengan kebenaran PDRM. Maklumat mengenai senarai aktiviti yang tidak dibenarkan semasa PKPB boleh didapati melalui pautan <https://www.mkn.gov.my/web/ms/sop-pkp-pemulihan/>.

Soalan 48: Adakah saya dibenarkan untuk keluar bersukan/ beriadah di tempat awam?

Aktiviti sukan, riadah dan rekreasi adalah tertakluk kepada SOP yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan tertakluk kepada kawasan tempat tinggal anda, sama ada PKPP, PKPB atau PKPD. Jika anda tinggal di kawasan PKPD, anda tidak dibenarkan menjalankan semua aktiviti sukan, rekreasi dan riadah. Bagi kawasan PKPB, aktiviti bersukan boleh dilakukan secara individu atau berkumpulan dengan syarat tidak melebihi 10 orang, dilakukan di kawasan terbuka, tidak melibatkan sentuhan fizikal (*contact sports*) dan mematuhi peraturan-peraturan yang sedang berkuat kuasa. Ini termasuklah kebenaran menggunakan fasiliti dan kemudahan sukan awam terbuka (*indoor*) dan (*outdoor*) yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Soalan 49: Adakah pelitup muka diwajibkan semasa bersenam atau beriadah?

Pemakaian pelitup muka tidak diwajibkan semasa bersenam atau beriadah. Walau bagaimanapun, pastikan penjarakan fizikal dilakukan dan mematuhi SOP sektor sukan dan rekreasi yang ditetapkan oleh kerajaan. Maklumat mengenai SOP sektor sukan dan rekreasi boleh didapati di pautan <http://covid-19.moh.gov.my/faqsop/sop-pkp-pemulihan>.

Soalan 50: Jika saya mempunyai maklumat mengenai pelanggaran SOP, bagaimanakah saya boleh melaporkannya?

Sebarang maklumat tentang pelanggaran SOP bolehlah dilaporkan kepada balai polis atau Pejabat Kesihatan Daerah yang berdekatan.

Soalan 51: Adakah perkhidmatan sokongan seperti *call centre*, logistik atau pentadbiran bagi premis/syarikat yang memberi perkhidmatan boleh beroperasi seperti biasa bagi menyokong perkhidmatan tersebut?

Ya, tertakluk kepada SOP yang ditetapkan oleh kerajaan.

Soalan 52: Bagaimanakah saya boleh mendapatkan maklumat terkini berkaitan penyakit COVID-19?

Maklumat berkenaan penyakit COVID-19 boleh didapati dari :

- i. Laman web Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)
<http://covid-19.moh.gov.my/>
<https://www.infosihat.gov.my/>
- ii. Telegram rasmi Crisis Preparedness and Response Centre (CPRC):
<https://t.me/cprckkm>
- iii. Sihat Milikku : <https://t.me/sihatmilikbersama>.

Untuk pertanyaan lanjut boleh hubungi CPRC Kebangsaan di talian 03 88810200 /600 /700 atau Whatsapp +60178429454 atau emel kepada cprc@moh.gov.my.

Lampiran 1

Senarai hospital kerajaan dan klinik kerajaan untuk saringan COVID-19 (Kemaskini 31 Oktober 2020)

a) Hospital

NEGERI	BIL	HOSPITAL SARINGAN
Perlis	1	Hospital Tuanku Fauziah, Kangar
Kedah	2	Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar
	3	Hospital Sultan Abdul Halim, Sg. Petani
	4	Hospital Kulim
	5	Hospital Sultanah Maliha, Langkawi
	6	Hospital Jitra
	7	Hospital Kuala Nerang
	8	Hospital Yan
	9	Hospital Sik
	10	Hospital Baling
P. Pinang	11	Hospital Pulau Pinang
	12	Hospital Seberang Jaya
	13	Hospital Bukit Mertajam
	14	Hospital Kepala Batas
Perak	15	Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh
	16	Hospital Taiping
	17	Hospital Teluk Intan
	18	Hospital Seri Manjung
	19	Hospital Slim River

NEGERI	BIL	HOSPITAL SARINGAN
Selangor	20	Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang
	21	Hospital Ampang
	22	Hospital Selayang
	23	Hospital Serdang
	24	Hospital Sungai Buloh
	25	Hospital Shah Alam
	26	Hospital Kajang
	27	Hospital Banting
W.P Kuala Lumpur	28	Hospital Kuala Lumpur
W.P Putrajaya	29	Hospital Putrajaya
Negeri Sembilan	30	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban
	31	Hospital Jempol
	32	Hospital Tampin
	33	Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah
	34	Hospital Port Dickson
	35	Hospital Jelebu
	36	Hospital Rembau
Melaka	37	Hospital Melaka
	38	Hospital Alor Gajah
	39	Hospital Jasin
Johor	40	Hospital Sultan Ismail, Johor Bahru
	41	Hospital Sultanah Nora Ismail, Batu Pahat
	42	Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar
	43	Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru
	44	Hospital Enche' Besar Hj Kalsom, Kluang
	45	Hospital Segamat
	46	Hospital Mersing

NEGERI	BIL	HOSPITAL SARINGAN
	47	Hospital Kota Tinggi
	48	Hospital Pontian
	49	Hospital Tangkak
	50	Hospital Temengging Seri Maharaja Tun Ibrahim, Kulai
Pahang	51	Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan
	52	Hospital Sultan Hj Ahmad Shah, Temerloh
	53	Hospital Kuala Lipis
	54	Hospital Sultanah Hajjah Kalsom
	55	Hospital Pekan
	56	Hospital Jengka
	57	Hospital Bentong
	58	Hospital Jerantut
	59	Hospital Raub
	60	Hospital Muadzam Shah
	61	Hospital Rompin
Terengganu	62	Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu
	63	Hospital Hulu Terengganu
	64	Hospital Kemaman
	65	Hospital Dungun
	66	Hospital Besut
	67	Hospital Setiu
Kelantan	68	Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu
	69	Hospital Tanah Merah
	70	Hospital Sultan Ismail Petra, Kuala Krai
	71	Hospital Tumpat
	72	Hospital Pasir Mas
	73	Hospital Tengku Anis
	74	Hospital Machang

NEGERI	BIL	HOSPITAL SARINGAN
	75	Hospital Gua Musang
	76	Hospital Jeli
Sabah	77	Hospital Queen Elizabeth I, Kota Kinabalu
	78	Hospital Duchess Of Kent, Sandakan
	79	Hospital Tawau
	80	Hospital Wanita dan Kanak-kanak, Likas
	81	Hospital Lahad Datu
	82	Hospital Keningau
	83	Hospital Queen Elizabeth II, Kota Kinabalu
	84	Hospital Tuaran
	85	Hospital Kudat
	86	Hospital Ranau
	87	Hospital Kota Marudu
	88	Hospital Kota Belud
	89	Hospital Pitas
	90	Hospital Papar
	91	Hospital Beaufort
	92	Hospital Sipitang
	93	Hospital Kuala Penyu
	94	Hospital Tambunan
	95	Hospital Tenom
	96	Hospital Semporna
	97	Hospital Kunak
	98	Hospital Kinabatangan
	99	Hospital Beluran
Sarawak	100	Hospital Umum Sarawak, Kuching
	101	Hospital Miri
	102	Hospital Bintulu

NEGERI	BIL	HOSPITAL SARINGAN
	103	Hospital Sibul
	104	Hospital Sarikei
	105	Hospital Limbang
	106	Hospital Kapit
	107	Hospital Daro
	108	Hospital Simunjan
	109	Hospital Sri Aman
	110	Hospital Betong
	111	Hospital Saratok
	112	Hospital Kanowit
	113	Hospital Mukah
	114	Hospital Dalat
	115	Hospital Marudi
	116	Hospital Lawas
	117	Hospital Rajah Charles Brooke Memorial
W.P Labuan	118	Hospital Labuan

b. Klinik Kesihatan

DAERAH/ KAWASAN/ BAHAGIAN	FASILITI (waktu bekerja)	FASILITI (hujung minggu)
1. PERLIS		
Kangar	KK Kangar	Tiada
	KK Padang Besar	
	KK Kuala Sanglang	
	KK Beseri	
2. KEDAH		
Langkawi	KK Kuah	8.30pg - 12.00tgh
	KK Padang Masirat	Tiada
	KK Ayer Hangat	
Padang Terap	KKIA Kuala Nerang	8.30pg - 12.00tgh
Sik	KK Jeniang	8.30pg - 12.00tgh
Yan	KK Guar Cempedak	8.30pg - 12.00tgh
Pendang	KK Pendang	8.30pg - 12.00tgh
Kulim	KK Taman Selasih	8.30pg - 12.00tgh

DAERAH/ KAWASAN/ BAHAGIAN	FASILITI (waktu bekerja)	FASILITI (hujung minggu)
	KK Lunas	Standby
	KK Padang Serai	
	KK Karangan	
	KK Merbau Pulas	
	KK Mahang	
Kota Setar	KK Bandar Alor Setar	8.30pg - 12.00tgh
	KK Simpang Kuala	Tiada
	KK Simpang Empat	
	KK Kuala Kedah	
	KK Alor Janggus	
	KK Jalan Putra	
	KK Langgar	
	KK Pokok Sena	
	KK Kota Sarang Semut	
	KK Datuk Kumbang	
Bandar Baharu	KK Serdang	8.30pg - 12.00tgh
	KK Lubuk Buntar	Tiada
	KK Bandar Baharu	
Kubang Pasu	KK Changlun	8.30pg - 12.00tgh
	KK Ayer Hitam	Tiada
	KK Banai	
	KK Kodiang	
	KK Laka Temin	
	KK Napoh	
	KK Tunjang	
	KK Kepala Batas	
Kuala Muda	KK Bandar Sungai Petani	8.30pg - 12.00tgh
	KK Bukit Selambau	Tiada
	KK Bakar Arang	
	KK Kota Kuala Muda	
	KK Sg Lalang	
	KK Merbok	
	KK Bedong	
Baling	KK Kuala Ketil	8.30pg - 12.00tgh
	KK Kupang	Tiada
	KK Parit Panjang	
	KK Tawar	
	KK Malau	
	KK Kampung Lalang	
3. PULAU PINANG		
Timur Laut	KK Sungai Dua	Tiada
	KK Jalan Perak	9.00pg - 1.00ptg

DAERAH/ KAWASAN/ BAHAGIAN	FASILITI (waktu bekerja)	FASILITI (hujung minggu)
	KK Jalan Angsana (KK Bdr Baru Air Itam)	Tiada
	KK Jalan Macalister	Tiada
Barat Daya	KK Bayan Baru	standby 9.00pg - 1.00ptg
Seberang Perai Utara	KK Buterworth	Tiada
	KK Kepala Batas	9.00pg - 1.00ptg
	KK Sungai Dua	Tiada
	KK Tasek Gelugor	Tiada
	KK Penaga	
	KK Mak Mandin	
Seberang Perai Tengah	KK Seberang Jaya	Tiada
	KK Berapit	standby 9.00pg - 1.00ptg
Seberang Perai Selatan	KK Bukit Panchor	standby 9.00pg - 1.00ptg
4. PERAK		
Kinta	KK Jelapang	Melalui temujanji
	KK Greentown	
Kampar	KK Kampar	
Hulu Perak	KK Lenggong	
	KK Pengkalan Hulu	
Kuala Kangsar	KK Padang Rengas	
Batang Padang	KK Tapah	
Perak Tengah	KK Seri Iskandar	
Hili Perak	KK Teluk Intan	
Kerian	KK Bagan Serai	
LMS	KK Simpang	
Manjung	KK Sitiawan	
Mualim	KK Slim River	
	KK Tanjung Malim	
5. SELANGOR		
Kuala Selangor	KK Bestari Jaya	Tiada sampel diambil di klinik kesihatan pada hujung minggu Sampel diambil di <i>Screening hospital:</i>
	KK Kuala Selangor	
Hulu Langat	KK Sg Chua	
	KK Semenyih	
	KK Batu 14	
Kuala Langat	KK Jenjarom	
	KK Teluk Datuk	
	KK Teluk Panglima Garang	
	KK Sijangkang	
	KK Kebun Baru	
	KK Bandar	
	KK Tg. Sepat	
	KK Bukit Changgang	
Klang	KK Bandar Botanik	
	KK Bukit Kuda	

DAERAH/ KAWASAN/ BAHAGIAN	FASILITI (waktu bekerja)	FASILITI (hujung minggu)
	KK Pelabuhan Klang	
	KK Pandamaran	
	KK Kapar	
	KK Anika	
	KK Meru	
	KK Seksyen 19	
	KK Seksyen 7	
	KK Taman Medan	Hospital Tengku Ampuan Rahimah,
Petaling	KK Puchong Batu 14	Klang
	KK Seri Kembangan	
	KK Kelana Jaya	Hospital Selayang
	KK Sg Buloh	
	KK Selayang Baru	Hospital Sungai Buloh
	KK AU2	
	KK Taman Ehsan	Hospital Serdang
	KK Rawang	
	KK Gombak Setia	Hospital Ampang
	KK Kuang	
Gombak	KK Batu Arang	Hospital Shah Alam
	KK Hulu Kelang	
	KK Batu 8	Hospital Kajang
	KK Serendah	
	KK Ulu Yam Bharu	Hospital Banting
	KK Rasa	
	KK Kalumpang	Hospital Tengku Ampuan Jemaah Sabak Bernam
Hulu Selangor	KK Selisik	
	KK Soeharto	
	KK Simpang Lima	Hospital Kuala Kubu Bharu
	KK Sungai Besar	
	KK Sekinchan	Hospital Tanjung Karang
	KK Sg. Air Tawar	
	KK Merbayu Berdarah	
	KK Bagan Terap	
Sabak Bernam	KK Parit Baru	
	KK Sabak Bernam	
	KK Salak	
Sepang	KK Sungai Pelek	
	KK Dengkil	
6. W.P KUALA LUMPUR		
Cheras	Pejabat Kesihatan - <i>drive through</i> , melalui temu janji	Pejabat Kesihatan - <i>drive through</i> melalui temu janji

DAERAH/ KAWASAN/ BAHAGIAN	FASILITI (waktu bekerja)	FASILITI (hujung minggu)
	Aras 3, Bangunan Klinik Kesihatan Cheras, Jln Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, 56000 KL	
Kepong	Dewan Komuniti Batu Muda - melalui temujanji Pesiaran 1/12, Kg. Batu Muda, 51100 KL	Dewan Komuniti Batu Muda - Melalui temujanji Pesiaran 1/12, Kg. Batu Muda, 51100 KL
	KK Jinjang - melalui temujanji No. 2, Jln Jinjang Setia 3, Jinjang Utara Tambahan, 52000 KL	KK Jinjang Melalui temujanji
Lembah Pantai	KK Tanglin Jalan Cenderasari, Tasik Perdana, 50480 Kuala Lumpur, W P Kuala Lumpur	Melalui temujanji dengan Bilik Gerakan PKLP
Titivangsa	KK Kuala Lumpur - melalui temujanji Jln Temerloh, Titivangsa, 53200 KL	KK Kuala Lumpur - Melalui temujanji
